

Kerajaan Negeri P.Pinang Dilihat Mempertahankan PR Berhubung Himpunan Haram Sabtu Lepas
Bernama
20 Mei, 2013

GEORGE TOWN, 20 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri pimpinan DAP dilihat cuba mempertahankan perhimpunan haram pakatan pembangkang (PR) di sini Sabtu lepas dengan menyatakan perhimpunan bertujuan memperkenalkan barisan kepimpinan baru kerajaan negeri.

Oleh itu, Ketua Menteri Lim Guan Eng berkata perhimpunan/ceramah di Padang Kota itu tidak memerlukan permit.

"Dengan alasan itu, maka memang kita tidak memohon sebarang permit untuk melaksanakan program berkenaan.

"Bagi saya, dakwaan mengatakan ceramah itu haram kerana tidak mempunyai permit adalah mengarut. Sebelum ini pun kita anjur beberapa program di bawah kerajaan negeri juga tidak memohon sebarang permit, tidak ada masalah pun.

"Mengapa sekarang timbul isu permit pula?", katanya kepada pemberita di sini Isnin.

Lim berkata ceramah itu adalah anjuran kerajaan negeri untuk rakyat yang telah berjalan aman dan tidak ada laporan polis dibuat berhubung sebarang kejadian tidak diingini pada malam berkenaan.

Bagaimanapun, ceramah yang bertajuk 'Seorang Seundi Bela Demokrasi' itu yang menampilkan beberapa pemimpin PR termasuk Datuk Seri Anwar Ibrahim, Lim Kit Siang dan Karpal Singh, dilihat cuba mempengaruhi rakyat untuk membantah keputusan pilihan raya umum ke-13 (PRU13) yang dikatakan tidak adil dan telus.

Sesi memperkenalkan barisan exco negeri hanya berlaku pada akhir ceramah itu pada pukul 12 tengah malam.

Sementara itu, Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Abdul Rahim Hanafi mengesahkan pihaknya telah mengambil keterangan daripada seorang individu yang bertanggungjawab dalam pengajuran ceramah itu.

Menurutnya, beberapa individu lagi akan dipanggil untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 9 Akta Pehimpunan Aman 2012.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=950945>